

UMP bukti kemampuan rangkul lapan pingat

SYUKURI ZAKARIA

KUANTAN - Penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) membuktikan kehebatan mereka apabila merangkul lapan pingat termasuk dua emas dalam Pertandingan Penyelidikan Bio Malaysia 2008 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, baru-baru ini.

UMP yang menghantar lapan projek penyelidikan berdasarkan bioteknologi dalam pertandingan yang berlangsung selama tiga hari bermula 7 hingga 9 Oktober lalu berjaya mencatat kejayaan seratus peratus dengan merangkul dua pingat emas, tiga perak dan tiga gangsa.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof Dr Rosli Mohd Yunus, berkata kejayaan yang dicapai UMP sangat bermakna, dua daripada 18 pingat emas yang dipertandingkan menjadi milik UMP.

Menurutnya, hasil penyelidikan dan kerja keras penyelidik UMP yang sentiasa menekankan 'Applied Research' dan berdasarkan keperluan industri, produk-produk yang dihasilkan memenuhi keperluan masyarakat dan industri.

"Tahap kualiti pembangunan dan penyelidikan serta kapasiti pengkomersialan di UMP

akan ditingkatkan bagi membolehkan pelabur dalam dan luar negara menanam modal untuk setiap program mahupun penyelidikan yang dibuat.

"Kejayaan UMP melalui hasil kerja keras penyelidik yang telah dikomersialkan di dalam dan luar negara menunjukkan tahap pencapaian pembangunan bioteknologi negara semakin membanggakan," katanya.

Rosli berharap kejayaan dan penyelidikan bermutu dapat membangunkan cendekiawan universiti ke arah membangunkan bidang bioteknologi yang diyakini mampu menjana lebih

pendapatan kepada negara.

Menurutnya, kejayaan memenangi empat hadiah utama itu merupakan pencapaian julung kali diterima penyelidik UMP semenjak penubuhan universiti yang sebelum ini dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM).

Pingat emas diraih penyelidik Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Abdul Syukor Abdul Razak melalui produk bertajuk 'The Potential Of Empty Fruit Bunch (EFB) as Natural Raw Material for Artificial Bait of Subterranean Termites:

PISOPTERA'.

Sinar Harian difahamkan, melalui projek yang sama, Abdul Syukor turut memenangi anugerah 'Most Innovative Award' dan menggondol hadiah wang tunai RM3,000 termasuk trofi yang disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Manakala satu lagi pingat emas diperoleh melalui Dr Hayder A. Abdul Bari melalui produk bertajuk 'Formulation of New Natural Organic Drug Reducing Agent By Combining Chitosan dan Okra Mucilage'.

Dua pingat perak pula

disumbangkan Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam melalui penyelidikannya Dr. Zularisam Ab Wahid manakala satu lagi pingat perak disumbangkan Fakulti Kejuruteraan Awan dan Sumber Asli, Abdul Syukor Razak.

Tiga pingat gangsa pula disumbangkan Fakulti Kejuruteraan Awan dan Sumber Alam, Dr Mimi Sakinah Abd Munaim; Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli, Abdul Aziz Mohd Azoddien dan Fakulti Kejuruteraan Awan dan Sumber Alam, Syukor Abdul Razak.



Para pemenang bergambar kenangan bersama trofi yang dimenangi Pertandingan Penyelidikan Bio Malaysia 2008.